

Umno Selangor saman enam termasuk tiga pemimpin kanan PAS
The Malaysian Insider
14 September , 2011

SHAH ALAM, 14 Sept – Umno Selangor memfailkan saman terhadap Setiausaha Agung PAS Datuk Mustafa Ali dan Presidennya Datuk Seri Abdul Hadi Awang – mendakwa memfitnah parti itu melalui satu artikel bulan lalu.

Turut disaman ialah Timbalan Presiden PAS Mohamad Sabu, Angkatan Edaran Enterprise Sdn Bhd, pengarang Harakah Ahmad Lufti Othman dan wartawannya Khairul Azlam Mohamad.

Artikel itu mendakwa Umno Selangor endalangi pemeriksaan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) di Gereja Methodist Damansara Utama (GMDU) pada 3 Ogos lepas.

Setiausaha Umno Selangor Datuk Seri Mohd Zin Mohamed memfailkan saman itu di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi di sini pada pukul 12 tengah hari melalui firma guaman Tetuan Hafarizam, Wan & Aisha Mubarak.

Laporan Bernama Online menyebut, dalam pernyataan tuntutanannya, Mohd Zin berkata Mustafa pada 15 Ogos 2011 telah ditemu ramah oleh Khairul Azlam di mana Setiausaha Agung PAS didakwa telah memfitnah Umno berkaitan dengan wadah dan perjuangan politik mereka.

Mohd Zin mendakwa dalam edisi Harakah bertarikh 19 Ogos 2011 - 21 Ogos 2011, Mustafa telah menyebabkan atau mengizinkan untuk dicetak dan diterbitkan mengenai kata-kata fitnah tersebut dalam sebuah artikel di halaman kedua akhbar itu bertajuk "Pas akan dedah bukti, Umno main peranan operasi Jais" berserta gambar.

Sehubungan itu, Mohd Zin menuntut kesemua defendan membayar gantirugi RM10 juta termasuk ganti rugi keterlaluan atau teladan untuk libel, faedah sebanyak empat peratus setahun dan satu arahan injuksi untuk menahan mereka daripada berbicara atau menerbitkan atau menyebabkan penerbitan kata-kata fitnah itu kepada plaintif, baik secara lisan atau di media cetak dan Internet.

Beliau juga menuntut kesemua defendan menerbitkan permohonan maaf secara bertulis untuk diterbitkan di akhbar dan majalah, kos serta lain-lain relif yang difikirkan adil dan sesuai oleh mahkamah.

Mohd Zin ketika ditemui pemberita berkata mahkamah telah menetapkan 28 September ini untuk pengurusan kes.

The Malaysian Insider
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider
Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/umno-selangor-saman-enam-te-rmasuk-tiga-pemimpin-kanan-pas/>